

# Pelajar diingat tidak salah guna pemberian bantuan

Dada awal Mac lalu, hampir semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menerima bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bernilai RM250. Objektif utama BB1M adalah untuk meringankan beban kewangan pelajar.

Dalam pengumuman bajet 2015 lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pemberian BB1M sebanyak RM250 kepada pelajar IPT seluruh negara. Sejumlah wang yang besar diperuntukkan kerajaan bagi melaksanakan inisiatif murni ini dan dijangka memberi manfaat kepada ramai pelajar.

Antara tujuan pemberian BB1M adalah untuk meringankan beban membeli buku pengajian pelajar disamping memupuk minat membaca. Sememangnya pemberian BB1M disambut baik pelajar dan ibu bapa.

BB1M banyak membantu meringankan beban kewangan me-



Pengagihan BB1M mampu meringankan beban pelajar untuk membeli bahan ilmiah.

reka terutama yang tidak mendapat tajaan ataupun pinjaman pendidikan.

**Pelajar jual, lelong BB1M**  
Malangnya, segelintir pelajar

yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan BB1M dengan menjual atau meolong baucar diperoleh untuk ditukar dengan wang tunai. Ada juga pekedai buku mengambil kesempatan mem-

buat tawaran menukar BB1M kepada wang tunai.

Perkara ini dikesan pihak berkuasa dan mengambil tindakan ke atas mereka yang terbabit. Apa pun alasan diberikan terhadap

penyalahgunaan BB1M, perlu diingat bahawa pelajar IPT yang menjual dan meolong BB1M boleh dihukum penjara yang mana siasatan boleh dilakukan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan (Akta 574) atas kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang.

Seksyen 403 Kanun Keseksaan (Akta 574) memperuntukkan dengan jelas bahawa: Barang siapa dengan curangnya menyalahgunakan atau menjadikan bagi kegunaannya sendiri atau menyebabkan mana-mana orang melupuskan apa-apa harta hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda".

Diharapkan pelajar yang menerima BB1M dapat memanfaatkan sepenuhnya pemberian diberikan untuk memudah serta meringankan beban kewangan bagi proses pembelajaran mereka sepanjang berada di IPT.

**Dr Muzaffar Syah Mallow**  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)